

**THE ROLE OF HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEIs)
IN THE IMPLEMENTATION OF HEALTH WAKAF**

**PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)
DALAM PELAKSANAAN WAKAF KESIHATAN**

Mohamad Khairul Izwan Rifinⁱ, Afiffudin Mohammed Noorⁱⁱ,
Noor Aznaim Abd Latibⁱⁱⁱ, Siti Sarah Izham^{iv}, Mohd Syakir Mohd Taib^v

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. khairulizwan@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Arau. afiffudin@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. aznaim@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. sarahizham@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah; Pengarah, Institut Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur. mohdsyakir@kpbkl.edu.my

Abstract	<p><i>Education and health are two important elements in the development of the global community. The use of waqf instruments to preserve Education and community health has great potential in strengthening the socioeconomics of a country. This study was conducted to analyze the role of Higher Education Institutions (HEIs) in implementing health waqf. The author obtained research data through a qualitative method by conducting a systematic literature review on the role of IPT as a catalyst for the implementation of health waqf. The results of the study found that IPT has the potential to be an institution capable of implementing health waqf by ensuring financial funds are always stable, obtaining quality expertise, as well as collaborating with various stakeholders. Although constraints and obstacles occur, if good and efficient governance is done, the problems that arise will be overcome. The conclusion of this study is that continuous efforts need to be made to ensure that the ability of waqf instruments in Education and health continues to be the concern of all parties at every level of society.</i></p> <p>Keywords: <i>Implementation, Waqf, Health, Management, HEIs.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pendidikan dan kesihatan merupakan dua elemen yang penting dalam pembangunan ummah sejagat. Penggunaan instrumen wakaf untuk melestarikan Pendidikan dan kesihatan masyarakat sangat berpotensi dalam mengukuhkan sosioekonomi sesebuah negara. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis peranan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam melaksanakan wakaf kesihatan. Penulis memperoleh data kajian melalui kaedah kualitatif dengan menjalankan tinjauan literatur secara sistematik terhadap peranan IPT sebagai pemangkin pelaksanaan wakaf kesihatan. Hasil kajian mendapati bahawa IPT berpotensi sebagai institusi yang mampu melaksanakan wakaf kesihatan dengan memastikan dana kewangan sentiasa stabil, memperoleh tenaga kepakaran yang berkualiti, serta kolaborasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. Walaupun terdapat kekangan dan halangan yang berlaku,</i></p>

	<p><i>namun jika tadbir urus yang baik dan cekap dilakukan, maka masalah yang timbul akan dapat diatasi. Kesimpulan dari kajian ini usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi memastikan keupayaan instrumen wakaf dalam Pendidikan dan kesihatan terus menjadi perhatian semua pihak di setiap peringkat masyarakat.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Pelaksanaan, Pengurusan, Wakaf, Kesihatan, IPT.</i></p>
--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PENDAHULUAN

Sepanjang perkembangan tamadun dan peradaban Islam, dicatatkan berlakunya perkaitan antara wakaf dengan institusi pendidikan dan kesihatan. Bermula dari zaman Rasulullah s.a.w lagi, sehinggalah ke zaman Kerajaan Abbasiyyah (754M-1258M), Kerajaan Ayyubiyah (1171M-1249M), Kerajaan Mamalik (1249M-1517M) dan Kerajaan Uthmaniyyah (1258M-1924M), wakaf telah berkembang pesat dengan banyak terbinanya sekolah, pusat pengajian, pusat kesihatan dan sebagainya. Dunia tamadun Islam menyaksikan pelbagai perkembangan sistem IPT dan kesihatan yang efektif sehingga kesannya boleh dilihat hidup dalam sistem pengurusan dan model pentadbiran masa kini.

Matlamat penulisan artikel ini adalah untuk mengenal pasti bagaimanakah kaedah ataupun model pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan wakaf kesihatan (Hospital) dari zaman kegemilangan Islam serta bagaimanakah realiti yang berlaku terhadap pengurusan wakaf di IPT dalam mewujudkan dan mengendalikannya. Jika dilihat secara umum, pelbagai cara dan kaedah yang dibuat dalam tadbir urus IPT untuk menjana kewangan, tidak terkecuali adalah peranan wakaf IPT dalam membangunkan universiti dan juga pusat kesihatan (hospital). Perkembangannya perlu dilihat dari pelbagai perspektif, samada dari sudut sejarah mahupun kontemporari. Banyak kajian yang dilakukan berkaitan wakaf IPT yang telah dikupas oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, namun isu yang akan dikupas oleh penulis adalah lebih tertumpu kepada pengurusan wakaf IPT dan kesihatan itu sendiri dalam konteks sejarah dan masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Instrumen utama pendekatan kertas kerja ini untuk memperoleh data adalah dari penelitian terhadap pensejarahan dan analisis kandungan seperti dokumen, buku berkaitan wakaf, dan lain-lain dianalisis secara analitikal dan disusun mengikut gaya dan bentuk naratif. Ketepatan fakta dalam analisis kandungan dikuatkan dengan temu bual secara semi berstruktur yang dilakukan secara rawak mudah dalam menjalankan temubual bersama pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan.

SOROTAN LITERATUR

Pentingnya bagi umat Islam menggunakan kaedah atau mekanisme terbaik dalam mengukuhkan sistem ekonomi dalam perihal keagamaan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Maka salah satu kaedah yang dilihat dalam mempromosikan pengagihan kekayaan yang lebih sempurna dan saksama adalah dengan wakaf dalam bentuk amal kebajikan yang mampu dikekalkan nilainya dalam tempoh masa yang panjang (Sadeq, 2002). Segala hasil manfaat dan sumbangan wakaf dalam politik dan sosioekonomi dilihat meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan negara dan komuniti Islam dari tahun ke tahun serta diletakkan satu petanda aras yang tinggi dari pelbagai bentuk kebajikan yang ada. Peranan yang sangat penting melalui pengumpulan aset wakaf adalah bertujuan menyediakan keperluan sosial dan ekonomi yang lebih kukuh dalam memelopori institusi agama, pendidikan, kesihatan, sara hidup, perlindungan, transformasi luar-dalam Bandar serta kemudahan teknologi (Singer, 2008). Pengekalan dan pengumpulan aset wakaf berbentuk pendidikan tinggi dan kesihatan didapati masih dalam keadaan yang belum mencapai tahap terbaik, terutamanya dalam persoalan apakah tindakan terbaik yang perlu diambil oleh kerajaan untuk menanganinya (Raditya, 2020).

Telah berlaku perubahan dalam dunia Islam pada abad kesepuluh, apabila amalan zakat bukan lagi satu-satunya bentuk amalan kebajikan yang mampu memajukan ekonomi negara. Wakaf berupaya menjadi elemen penting serta benteng kedua umat Islam sebagai instrumen pembiayaan sosio-ekonomi dalam komuniti Islam (Mohammad Abdullah, 2018). Kelangsungan operasi sesebuah institusi dalam bentuk yang positif adalah bergantung kepada kedudukan kewangannya. Perkara ini penting kerana tadbir urus aset yang produktif serta keprihatinan dalam membangunkan aset wakaf meningkatkan aliran pendapatan yang lebih positif (Chowdury et. al., 2011). Institusi Pendidikan Tinggi juga tidak terkecuali dari berhadapan dengan masalah pendanaan, dan isu ini memperlihatkan kepada keupayaan pengurusan mencorak wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan di era masa kini.

Kajian oleh Pirasteh (2011) menyatakan bahawa aset wakaf yang diuruskan oleh institusi swasta adalah lebih baik dari institusi kerajaan. Tahap terbaik tadbir urus oleh institusi swasta adalah diukur melalui sejauh mana pencapaian pendapatan tahunan yang dianalisis dari tahun ke tahun sehingga memenuhi objektifnya yang memaksimumkan penajaan dan perolehan semula aset. Menurut Harun (2014) pula, masyarakat awam mendesak agar pihak kerajaan lebih konsisten dalam memastikan sosio-ekonomi berada dalam tahap terbaik. Kemajuan sesebuah negara juga bergantung kepada keberhasilan menyediakan inisiatif terutamanya dalam bentuk ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Farra Munna (2016) menyimpulkan bahawa eksplorasi dan perkembangan dana wakaf mampu dipertingkatkan melalui pembentukan sebuah organisasi antara pihak kerajaan dan swasta, untuk menstabilkan semula sistem institusi pendidikan dan kesihatan yang lebih berkualiti.

Dari sorotan literatur ini, penulis merasakan adalah perlu agar semua perkara dilihat dan dikaji dari semasa ke semasa, dari segi model pengurusan, pentadbiran dan penajaan dana wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan di IPT serta organisasi yang berkait dengannya.

PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN TINGGI DAN KESIHATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM KETAMADUNAN ISLAM

Umat Islam amat menitikberatkan soal pendidikan dan kesihatan ketika berlakunya perkembangan Islam di zaman pemerintahan awal Islam. Kepesatan penubuhan universiti dan pusat kesihatan (hospital) iaitu maristan atau bimaristan di sebelah Timur dipelopori oleh umat Islam, manakala di sebelah Barat pula dipelopori oleh penganut-penganut agama Kristian. Universiti dan pusat kesihatan (hospital) telah tumbuh bagaikan cendawan hidup selepas hujan di seluruh negara Islam ketika itu pada zaman Pemerintahan Kerajaan Umayyah dan Kerajaan Abbasiyyah. Peranan universiti bukan lagi tertumpu kepada proses pembelajaran semata-mata, malahan kebanyakan tenaga pakar yang terdiri daripada doktor (tabib) di universiti tersebut juga berkhidmat di hospital (Ermy Azziaty, 2019). Kebiasaannya, hospital di bina berdekatan dengan bangunan universiti, dan ada juga yang di bina dalam satu bangunan dengan universiti atau pusat-pusat pengajian. Omar Amin Hoesin (1981) menyatakan contoh universiti terkenal ketika era pemerintahan Islam adalah Universiti Alexandria (Iskandariah Mesir), Universiti Nisyapur (Khurasan, Iran), Universiti Damascus (Damsyik, Syria), Universiti Salerno (Itali, sebelumnya dikuasai Kerajaan Byzatine) dan Universiti Cairo (Kaherah, Mesir).

Hospital yang dibina oleh para khalifah Islam mempunyai unit yang tidak jauh beza dengan unit yang ada di hospital moden. Antaranya, hospital tersebut mempunyai unit atau wad ortopedik, surgeri, oftalmologi dan perubatan umum. Tambahan juga, menurut Ismail Saad (1992) khalifah membina unit dispensary dan dapur khas sebagai tempat untuk menyediakan makanan kepada pesakit yang memerlukan. Peranan hospital ini tidak terhad kepada rawatan kepada pesakit, tetapi juga sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran tenaga pengajar dan penuntut yang mengikuti pengajian perubatan. Tenaga pengajar pakar sememangnya terdiri daripada sarjana Islam yang terkenal. Ketika zaman Abbasiyyah juga, para sarjana Islam (tabib) mengadakan konvensyen dan seminar perubatan sebagai tempat

untuk berbincang dan berdiskusi sesama mereka. Hassan (1988) juga menyatakan bahawa konvensyen tersebut adalah medan bagi mereka mengemukakan hasil kajian dan penyelidikan yang dijalankan di universiti atau hospital masing-masing. Di sebelah barat, Qurtubah (Cordova) merupakan pusat pendidikan perubatan yang terpenting, manakalah di sebelah timur adalah di Kota Baghdad. Disamping itu, terdapat bukti sejarah yang menunjukkan kerajaan Islam lebih banyak menguasai perkembangan universiti dan hospital jika dibandingkan dengan negara barat, malahan mencapai kemasyhurannya ketika zaman Kerajaan Abbasiyyah (Omar, 1981; The Encyclopedia Americana, 1972).

Hospital pertama dalam pemerintahan Islam dibina oleh Khalifah al-Walid pada 786-809M di Baghdad. Kemudian terbinanya sebuah hospital lagi di Baghdad pada tahun 970M dengan kekuatan tenaga perubatan pakar seramai 25 ahli yang seterusnya melatih para penuntut perubatan di situ. Kebanyakan pembinaan hospital yang kemudiannya adalah hasil dari dana wakaf golongan bangsawan ketika itu dan fokus awalnya adalah bagi tujuan membantu masalah kesihatan orang miskin (Ismail Saad, 1992). Direkodkan sebanyak 34 buah hospital (lebih separuh dibina di kawasan universiti) ketika di zaman Pertengahan dengan tadbir urusnya adalah sangat baik dan berada di aras kemajuan dan pembangunan yang tinggi di zamannya (The Encyclopedia of Americana, 1972). Pembinaan lebih banyak hospital dalam dunia Islam bertitik tolak dari perkembangan ilmu perubatan di universiti, antara tempoh abad ke 8M sehingga 15M, dan Ahmad Taha (1988) menyatakan bahawa Eropah ketika itu tidak mempunyai ilmu perubatan selain dari ilmu yang dipindahkan daripada orang-orang Islam.


Dengan dana (sebahagiannya wakaf) daripada Bait al-Mal, Khalifah al-Walid Ibn Abd al-Malik membina sebuah hospital di Damsyik pada tahun 707M. Tadbir urus hospital ini adalah di bawah penguasaan khalifah dan dilantik beberapa orang pegawai khas untuk membantu urusan pentadbirannya. Malahan disinilah juga para pakar perubatan Islam menempatkan pesakit kusta serta pesakit buta, disamping pesakit lain yang diberikan pelbagai kemudahan seperti makanan yang berkhasiat, kelengkapan persalinan serta ruang rehat yang selesa (al-Surty, 1996; Ibrahim, 2002). Ilmu bidang perubatan di universiti dan hospital berkembang kepada pelbagai disiplin ilmu, antaranya bakteriologi, anesthesia, operasi, Farmasi, oftalmologi, psikoterapi dan sikosomatik, seterusnya memberi galakkan perkembangan yang pesat dalam tadbir urus dan penubuhan institusi universiti dan hospital lain di zaman kegemilangan Islam (Ibrahim, 2002).

Ibrahim (2002) menyatakan bahawa para doktor dari kalangan orang-orang Kristian pada peringkat awal penubuhan hospital dilantik sebagai pengarah seperti Abu Uthman al-Dimashqi dan Sinan bin Thabit. Jibrail bin Bakhtisyu, Masawaih dan anaknya Yuhanna bin Masawaih (pernah dilantik sebagai Ketua hospital) merupakan antara nama pengamal perubatan Kristian yang berkhidmat di hospital kerajaan Islam ketika itu. Kawalan kuasa terus dari pihak khalifah, sultan dan amir adalah sangat penting dalam urusan universiti dan hospital, kerana pelbagai undang-undang telah dilaksanakan dan perlu diambil berat oleh pemerintah (Ahmad Taha, 1988). Peranan Perdana Menteri di zaman Khalifah al-Mu'tadi yang menambah bilangan para pakar perubatan juga memberi kesan kepada kestabilan tadbir urusnya. Manakala di pihak ketenteraan pula (Fazlur Rahman, 1992), terbinanya hospital tentera yang dibina khas dan akan berpindah dari semasa ke semasa bergantung kepada arahan pihak berkuasa. Sebagai contoh, Ahmad bin Tulun telah membina hospital pada tahun 872M di al-Askar dan merupakan hospital yang mempunyai pelbagai kemudahan dan peraturan tersendiri.

Menurut Ismail (1992), ketika zaman pertengahan Eropah, gereja berkuasa penuh dengan segala amalan perubatan yang dijalankan di hospital, manakala pendidikan perubatan hanya berpusat di sekolah-sekolah gereja, universiti-universiti dan akademi perubatan di Salerno dan Montpellier. Hanya ketika wujudnya klinik universiti dan hospital universiti seperti di Leiden, Edinburgh, Paris dan tempat-tempat yang lain ditubuhkan di penghujung abad ke-17M dan 18M, barulah pertalian tetap berlaku antara pendidikan perubatan di universiti dan amalan perubatan di hospital. Sebaliknya pula berlaku dalam sistem perubatan Islam. Hospital yang dibina dan diasaskan oleh pemerintah Islam

menggabungkan elemen pendidikan dan perubatan, seterusnya menjadi konsep 'hospital pengajaran'. Al-Razi menjadi pemangkin kepada konsep ini, serta beliau mengaplikasikannya dan mengembangkannya semasa menjadi salah seorang petugas (pegawai perubatan) di Maristan Raid an Maristan Muqtadir di Baghdad. Beliau yang merupakan Pakar Perubatan Kanan ketika itu, menjadi ikutan kepada pengamal perubatan yang lain termasuk menjadi amalan yang dilaksanakan dan diamalkan di semua hospital (maristan) Islam ketika itu. Seorang doktor kanan yang bertugas sebagai pendidik klinikal, akan menyelia penuntut-penuntut perubatan universiti yang berbaris di hadapan katil pesakit serta menyoal dan memeriksa pesakit (Ismail, 1992).

Hospital akan dibina berdekatan dengan pusat pendidikan pengajar yang mendidik penuntut perubatan, sepertimana hospital-hospital universiti yang wujud di zaman moden ini. Kepelbagaian jenis wad diwujudkan bagi mengasingkan jenis-jenis pesakit dan penyakit. Antaranya adalah wad bagi lelaki dan perempuan, wad untuk kecederaan berat, wad sakit mata dan wad khas penyakit demam. Terdapat juga kemudahan untuk pembedahan, Farmasi, kutubkhanah perubatan, bilik-bilik untuk kuliah dan perkhidmatan ambulan (Ismail, 1992). Sebarang kelemahan yang dilakukan oleh penuntut dan doktor perubatan, akan segera diperbaiki oleh mereka. Segala pengalaman dan penemuan mereka dalam bidang perubatan akan dicurahkan dalam karya-karya perubatan. Karya *al-Fusul* (Aphorism), *al-Masail fi al-Tib li al-Mutaallimin*, *al-Madkhal al-Ta'limi*, *al-Hawi* dan *al-Qanun* adalah antara senarai rujukan dalam dunia perubatan ketika itu dan ada yang masih digunapakai sehingga pertengahan abad ke 17M (Ahmad Taha, 1988). Nama-nama seperti Abqarat, Hunain ibn Ishak, al-Razi, dan Ibn Sina adalah tidak asing lagi dengan karya-karya perubatan agung mereka. Kesungguhan umat Islam ketika itu telah Berjaya melahirkan ramai para doktor yang cekap serta mahir dalam bidang perubatan, mahir dalam membuat diagnosis serta mengumpulkan pengalaman-pengalaman mereka merawat pesakit di dalam nota dan data sebagai panduan kepada penuntut perubatan di universiti.



Rajah 1: Model Pengurusan Wakaf Pendidikan Tinggi dan Kesihatan di Universiti dalam Era Kegemilangan Islam

REALITI PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN TINGGI DAN KESIHATAN DI MALAYSIA

Keberadaan wakaf sebagai instrumen membangunkan universiti dan hospital universiti sewajarnya telah di ambil perhatian serius pihak kerajaan Malaysia. Di Malaysia ketika ini, terdapat lima buah universiti yang mempunyai hospital pengajaran (teaching hospital) iaitu

Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya PPUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia PPUKM), Universiti Sains Malaysia (Hospital Universiti Sains Malaysia HUSM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia PPUIAM dan Universiti Teknologi Mara (Hospital Pengajar Universiti Teknologi Mara HPUiTM) (Utusan Malaysia, 2017). Kelima-lima buah universiti ini mempunyai hospital atau pusat perubatan tersendiri yang menjadi tempat pengajaran dan pembelajaran bidang perubatan bagi pensyarah (kebiasaannya doktor pakar) dan mahasiswa serta kebanyakannya di bina di dalam kawasan universiti ataupun berdekatan dengan universiti.

Usaha untuk menjadikan wakaf sebagai instrumen dalam pendanaan IPT dan hospital universiti telahpun giat dijalankan. Selain dari 5 buah universiti yang dinyatakan sebelum ini, beberapa buah universiti juga sedang berusaha untuk membangunkan hospital universiti sendiri dengan menggunakan konsep wakaf. Universiti Sains Islam Malaysia dilihat antara yang sedang bergiat aktif menjadikan pusat pengajiannya sebagai universiti hibrid yang dibiayai 70 peratus oleh kerajaan pusat dan 30 peratus secara wakaf. Kaedah tadbir urus dana universiti hibrid ini yang dilaksanakan di USIM adalah penggabungan antara konsep enterprise sosial, pematuhan syariah dan pembiayaan wakaf (Utusan Malaysia, 2017).

Pusat Wakaf dan Zakat Universiti Sains Islam Malaysia (PWZ) telah menggerakkan wakaf sebagai agenda utama USIM dalam pendanaan kewangannya. Dalam surat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kepada Naib Canselor USIM bertarikh 22 Julai 2013 telah menyatakan persetujuan MAINS melantik USIM sebagai Mutawalli Dana Wakaf Abrar USIM. Menurut Fuadah Johari (2018) yang merupakan Penyelaras Pusat Wakaf dan Zakat USIM, persetujuan ini adalah dibawah bidang tugas Seksyen 33(a) dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Lantaran itu, USIM diamanahkan untuk membangun dan menguruskan dana wakaf serta mengagihkan manfaat wakaf kepada golongan yang diniatkan wakif (pewakaf). Dengan pelantikan sebagai Mutawalli tersebut juga, maka USIM telah melancarkan pelbagai program dan projek pembangunan wakaf seperti Wakaf Tapak dan Program Wakaf Pendidikan (USIM, 2018a).

Bagi menjayakan tadbir urus pembiayaan wakaf USIM, penglibatan pakar adalah antara faktor penting dalam memastikan pelancarannya. PWZ USIM dalam perancangan pembangunan wakaf merangka projek-projek mega antaranya pembinaan Kolej Kediaman Pelajar (yang telah siap dibina kini adalah Kolej Kediaman 1), Klinik Pakar Kesihatan USIM dan Hemodialisis, HOSPITEL (gabungan hospital dan hotel), Pusat Konvensyen USIM dan Menara Hotel USIM serta Tadika Islam/ Pusat Jagaan Kanak-Kanak. Perancangan Wakaf Hartanah USIM (Wakaf Tapak) ini adalah pendanaan dari wakaf tunai, wakaf am dan pinjaman tanpa faedah (Qardhul Hasan) dari MAINS (Fuadah Johari, 2018).

Sebelum pembinaan hospital pengajar USIM siap sepenuhnya, PWZ USIM telahpun menggerakkan penajaan dana wakaf melalui USIM Tjjarah Holdings Sdn. Bhd. (UTHSB) yang menguruskan Pusat Pakar Kesihatan USIM (PPKU). PPKU berperanan dalam memberi perkhidmatan pakar perubatan, pakar pergigian dan rawatan pesakit luar kepada masyarakat sekitar dengan menggunakan tenaga pekerja mahir dan profesional iaitu doktor-doktor pakar (pensyarah) dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM (USIM, 2018b). Pusat kesihatan ini telah mula beroperasi pada 1 April 2015 dengan menawarkan perkhidmatan yang komprehensif seperti perkhidmatan Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G), Pakar Perubatan Dalaman, Pakar Mata (Oftalmologi), Pakar Telinga Hidung dan Tekak (ENT), Pakar Ortopedik, Pakar Psikiatri, Pakar Pembedahan Am serta Pakar Pergigian (USIM, 2018b; Fuadah Johari, 2018).

Menurut Fuadah Johari (2018), tadbir urus PPKU adalah diletakkan di Pusat Tanggungjawab Universiti (PTJU) melalui Tjjarah Holdings Sdn. Bhd dimana perbelanjaannya ditanggung oleh pihak USIM sendiri. Kos tadbir urus PPKU seperti peralatan perubatan, ubatan, penggajian sumber manusia, kos sewaan dan lain-lain adalah daripada manfaat wakaf PWZ USIM. Dalam sistem pengurusannya, PPKU diletakkan di

bawah Bahagian Operasi serta di kawal selia oleh Ketua Pegawai Eksekutif USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd (USIM, 2018b; Fuadah Johari, 2018). Kesungguhan PWZ USIM dalam menggunakan instrument wakaf sebagai pendanaan kos tadbir urusnya dilihat satu inisiatif yang positif, bagi memastikan kelangsungannya sehingga hospital pengajar USIM siap dibina pada masa akan datang.

Selain USIM, beberapa IPT juga dilihat telahpun bergerak maju dalam menggunakan dana wakaf sebagai instrument pendanaan wakaf IPT dan pusat kesihatan. Antaranya adalah Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Tadbir urus Wakaf Zakat dan Endowmen (WAZAN) menggunakan sebahagian dana dan manfaat wakaf dengan tujuan pembelian ambulans. Projek Khas Ambulans Pusat Kesihatan Universiti (PKU) ini adalah antara projek awal yang dirangka bagi membantu PKU dalam mendapatkan khidmat ambulans yang dilengkapi teknologi terkini dan lebih sempurna (WAZAN, 2018). Kerjasama antara WAZAN dan PKU adalah bertujuan untuk memperlihatkan kepentingan wakaf IPT yang mampu menambah baik fasiliti pusat kesihatan. Dalam perancangan WAZAN juga, dinyatakan bahawa kerjasama ini bagi memudahkan kesediaan pihak UPM dalam mewujudkan sebuah hospital pengajar atau pusat kesihatan universiti yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018 dengan sebahagian pendanaannya adalah daripada instrumen wakaf (AWANI, 2016).

CABARAN PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN TINGGI DALAM PELAKSANAAN WAKAF KESIHATAN

Setelah analisis dokumen dan juga temubual yang dilakukan bersama pegawai pengurus wakaf di IPT yang dikaji, penulis telah mengenal pasti 3 isu utama yang menjadi cabaran kepada pengurusan wakaf pendidikan tinggi di IPT dalam melaksanakan wakaf kesihatan atau hospital wakaf.

Kekurangan Dana

Jika dilihat dari perspektif pembangunan wakaf IPT dalam pengurusan pusat kesihatan (hospital), pemerintah pada zaman kegemilangan Islam menggunakan pengaruhnya dalam memastikan dana diperolehi terus dari kerajaan atau golongan bangsawan. Pada masa kini, isu ini dapat diatasi juga melalui peranan golongan berkemampuan yang sebenarnya mampu memberi wakaf dalam bentuk tunai ataupun aset harta, manakala masyarakat awam juga perlu diberi perhatian dalam menarik minat mereka untuk turut menambah dana wakaf tunai. Pembinaan hospital universiti sememangnya memerlukan dana jutaan ringgit, namun jika semua pihak terlibat memainkan peranan penting, maka hasrat untuk mempercepatkan proses pembinaannya akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

Kekurangan Tenaga Pakar

Pusat pengajian tinggi dan Maristan atau hospital pengajar di zaman kerajaan Umawiyah dan kerajaan Abbasiyyah, adalah diletakkan terus di bawah pengawasan Sultan/ Khalifah, serta perlantikan seorang Amir untuk menguruskannya adalah dari latar belakang yang mahir dalam selok belok agama dan juga tenaga pakar dari universiti itu sendiri. Kebanyakan tenaga pakar ini bukan sahaja mahir dalam satu bidang sahaja, malahan mahir dalam pelbagai bidang yang berkaitan ilmu aqli dan naqli. Adalah penting bagi universiti masa kini, melantik tenaga pakar dalam tadbir urus dana wakaf, kerana kemahiran dan penguasaan yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu sangat penting dan menjadi punca kepada sesuatu isu itu dapat ditangani segera. Unit-unit atau jabatan seperti unit pembangunan harta wakaf IPT, unit pembangunan modal insan, unit pemasaran dan sebagainya hendaklah menggunakan tenaga sumber manusia yang berkelayakkan dan berpengalaman luas dalam bidangnya sendiri.

Kolaborasi

Hubungan yang baik perlu dieratkan antara satu sama lain dalam menguruskan wakaf IPT, sebagaimana peranan Khalifah terdahulu yang sentiasa memberi sokongan kolaborasi

kepada pihak universiti dan juga pihak kerajaan. IPT dilihat memainkan peranan penting dalam memastikan kolaborasi bersilang dengan pelbagai agensi tertentu, bagi memudahkan dan melancarkan tadbir urus wakaf IPT. Kolaborasi yang sangat perlu dititikberatkan adalah bersama pihak Majlis Agama Islam Negeri (pemegang amanah tunggal), badan-badan korporat serta individu-individu yang berpengaruh. Peluang dalam mempertingkatkan kolaborasi ini adalah antara cabaran yang menjadi kekangan kepada sebahagian IPT, namun jika langkah-langkah dan strategi yang digunakan adalah relevan, maka kolaborasi yang lebih jitu dapat diwujudkan.

PENUTUP

Kelangsungan kegemilangan Islam sewajarnya diteruskan dalam arus kemodenan kini. Pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan kini dilihat sebagai elemen penting dalam memastikan konsistensi pendanaan kewangan dan tadbir urus yang lebih baik. Pelbagai langkah dan transformasi perlu dilihat dari semasa ke semasa oleh IPT agar pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan ini dapat digembeleng konsep dan modelnya. Dalam struktur ekonomi Islam, perkara yang membezakannya dengan konsep ekonomi campuran, kapitalis dan sebagainya adalah kerana gabungan elemen lahiriah dan rohaniah.

Model pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan pusat kesihatan (hospital) universiti yang lebih baik juga mampu menghasilkan keberkesanan menyampaikan manfaat yang pelbagai kepada masyarakat awam serta umat Islam. Semua pihak berwajib harus berganding bahu dan bersifat lebih terbuka dalam setiap cabaran yang dilalui, agar pengurusan wakaf pendidikan tinggi dan kesihatan ini kembali memberi sinar kepada dunia Islam masa kini.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad Taha. 1988. *Kedoktoran Islam*. (Tjmh: Ismail Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Surty, Muhammad Ibrahim. 1996. *Muslim's Contribution to The Development of Hospitals*. England: Quranic Arabic Foundation.
- Fazlur Rahman. 1992. *Kesihatan dan Perubatan Dalam Tradisi Islam*. (Tjmh: Wan Mohd. Nor Wan Daud & Shahrul Amar Abdullah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pirasteh, H. 2011. *Efficiency criteria in the public and private waqf management: the Iranian experience*. In: *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues*. Kuala Lumpur: CERT.

Jurnal

- Chowdhury, M.S.R., Ghazali, M.F., Ibrahim, M.F. 2011. *Economics of cash waqf management in Malaysia: a proposed cash waqf model for practitioners and future researchers*. African Journal of Business Management, 5(30), 12155-12163.
- Ermy Azziaty Rozaly & Nur Ainul Basyirah Alias. 2019. *Pentadbiran Dana Wakaf Hospital Fatih, Istanbul (1470M-1824M)*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 46 (1), 112-130 @ Centre For Policy and Global Governance (GAP), UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper).
- Farra Munna Harun, Bayu Taufi Possumah, M Hakimi Mohd Shafiai & Abd Halim Mohd Noor. 2016. *Issues And Economic Role Of Waqf In Higher Education Institution: Malaysian Experience*. Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah, Vol. 8 (1), 149 – 168.
- Harun, F.M. 2014. *The Role of Zakat and Cash Waqf To The Moslem Development Countries Economics System: Case Study Indonesia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Ibrahim Hassan. 1988. *Sejarah Islam-Menyentuh Bidang-bidang Politik, Agama, Kebudayaan dan Kemasyarakatan*. (Tjmh: Ismail Mohd Hassan), Siri 7. Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

- Ibrahim B. Syed. 2002. *Islamic Medicine: 1000 years ahead of its times*. Journal of the International Society for The History Of Islamic Medicine (JISHIM) <https://www.ishim.net/ishimj/2/01.pdf>. JISHIM 2002.
- Ismail Saad. 1992. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Abdullah. 2018. *Waqf, sustainable development Goals (SDGs) and maqasid al-shariah*. Int. J. Soc. Econ. 45 (1), 158–172.
- Omar Amin Hoesin. 1981. *Kultur Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Raditya Sukmana. 2020. *Critical assessment of Islamic endowment funds (Waqf) literature: lesson for government and future directions*. Helion. Vol. 6 Issue 10.
- Sadeq, A.H.M. 2002. *Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation*. International Journal of Social Economics. Vol. 29 (2). 135 – 151.
- Singer, A. 2008. *Charity in Islamic Societies*. New York: Cambridge.
- The Encyclopaedia of Americana. 1972. International Edition, Vol. 14, USA: Grolier Incorporated Darbury, Connecticut.

Temu Bual

Fuadah Johari. 2018. Mengenai Hospital Universiti Sains Islam Malaysia. 11 Januari 2018.

Laman Sesawang

- AWANI. 2016. UPM Bakal Miliki Hospital Sendiri pada 2018. <http://www.astroawani.com/video-malaysia/upm-bakal-miliki-hospital-sendiri-pada-2018-112415> (diakses pada 6 Januari 2021).
- USIM. 2018a. Pembiayaan Wakaf. <https://www.usim.edu.my/ms/wakaf/> (diakses pada 3 Januari 2021).
- USIM. 2018b. Klinik Kesihatan Pakar USIM. <http://www.usim.edu.my/ms/gallery/klinik-pakar-kesihatan-usim/> (diakses pada 3 Januari 2021).
- Utusan Malaysia. 2014. USIM Majukan Wakaf Pendidikan. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140305/ba_04/USIM-majukan-wakaf-pendidikan (diakses pada 6 Januari 2021).
- Utusan Malaysia. 2017. Universiti Sertai Konsortium. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/5-universiti-sertai-konsortium-hospital-1.493679> (diakses pada 4 Januari 2021).
- WAZAN. 2018. Pusat Tadbir urus Wakaf, Zakat dan Endowmen UPM. http://www.wazan.upm.edu.my/berita/ambulans_dengan_fasiliti_canggih_jadi_milik_upm_dengan_hanya_rm50-3671 (diakses pada 6 Januari 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.